

MAJLIS PENYERAHAN CEK SUMBANGAN DARI TABUNG SEJAMBAK KASIH ATM

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4477-majlis-penyerahan-cek-sumbangan-dari-tabung-sejambak-kasih-atm

KUANTAN, 28 Jan 19 - Majlis penyerahan cek bantuan dari Tabung Sejambak Kasih ATM telah diadakan di Bilik Mesyuarat Pangkalan, Pangkalan Udara Kuantan. Penerima cek sumbangan tersebut adalah Sjn U Mahazan bin Mohamad Yusof dan Sjn U Mohd Firdaus bin Mustafa.

Cek tersebut merupakan bantuan sumbangan daripada Tabung Sejambak Kasih ATM kepada anggota bagi meringankan beban anggota untuk pembelian lampin pakai buang, susu dan makanan tambahan yang diperlukan oleh anggota. Penyampaian cek sumbangan tersebut telah di sempurnakan oleh Kol Idris bin A.Wahab TUDM wakil Komander Pangkalan.

